

Kerajaan tak mampu beri pinjaman penuh kepada pelajar

UM - 5 JUN 2003
PUTRAJAYA 4 Jun —
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak mampu memberikan pinjaman sepenuhnya kepada pelajar bumiputera bagi membiayai mereka menuntut di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyediakan bantuan melalui pinjaman mudah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tetapi pihak ibu bapa turut bertanggungjawab mendapatkan sebahagian pembiayaan dari sumber lain.

“Kita tidak dapat memberikan pinjaman 100 peratus kepada mereka tetapi kalau kita beri RM9,000 (pinjaman penuh bagi setiap pelajar) maka separuh sahaja yang dapat, separuh lagi mungkin tidak dapat.”

“Ibu bapa mungkin perlu meminjam duit sedikit daripada punca-punca lain,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi keempat Majlis Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya di sini hari ini.

Kewangan

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini kemungkinan lebih 30 buah IPTS milik bumiputera ditutup dalam tempoh terdekat berikutan masalah kewangan.

Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia, Datuk Dr. Ismail Md. Salleh menyatakan kedudukan kewangan institut-institut itu tenat kerana sebahagian besar pelajar bumiputera menolak tawaran ke IPTS kerana tidak mampu membiayai kos sara hidup yang tinggi.

Beliau menyatakan pinjaman PTPTN sebanyak RM5,000 tidak mencukupi bagi menanggung sara hidup sebenar sebanyak RM9,000.

Ketiadaan pelajar-pelajar berkenaan menjejaskan sumber kewangan IPTS bumiputera yang bergantung sepenuhnya kepada yuran pengajian pelajar.

Pada masa ini, terdapat 120 IPTS bumiputera di seluruh negara dengan kira-kira 60,000 pelajar bumiputera dan daripada jumlah itu 20,000 mendapat tajaan pelbagai pihak termasuk PTPTN.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah cuba menolong para pelajar dan IPTS bumiputera dengan mewujudkan PTPTN.

“Yang kita berikan (melalui PTPTN) ini ialah pinjaman mudah, (tetapi) banyak mana kita bagi pun tidak akan cukup.”

“Dulu kita tidak ada langsung peruntukan (PTPTN) ini, jadi kita memang hendak tolong seberapa yang boleh,” kata Perdana Menteri.